



Headline: Buat laporan polis selepas 2 tahun terjerat Macau Scam Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Sarawak  
Date: 3 November 2018

Section: Berita Perdana  
Page: 2

# Buat laporan polis selepas 2 tahun terjerat Macau Scam

FENNY SILONG

**KUCHING:** Meskipun berlaku hampir dua tahun lalu, seorang wanita dari Miri akhirnya membuat laporan polis semalam ekoran terjerat dengan Macau Scam, kata Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Polis Sarawak, Superintendan Mustafa Kamal Gani Abdullah.

Menurutnya, mangsa yang berusia 56 tahun itu mengalami kerugian berjumlah RM16,799.98 selepas menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) dari 'Aeon Credit' pada 20 November 2016.

"Mangsa yang juga pekerja swasta dimaklumkan bahawa Aeon Kreditnya digunakan untuk membeli belah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebanyak RM4,299.



Superintendan Mustafa Kamal Gani Abdullah

"Mangsa kemudiannya menghubungi Miss (Cik) Chin di talian 0327727266 untuk mengesahkan yang beliau tidak berada di KLIA tetapi di Miri," katanya menerusi satu kenyataan media di terima di sini. Gani berkata, Miss Chin

kemudian memberi mangsa nombor telefon 'Bank Negara' di talian 0327884425 untuk membolehkan mangsa membuat laporan dengan meminta butiran peribadi.

"Suspek turut memberitahu mangsa yang nama dan nombor

kad pengenalannya mempunyai dua alamat iaitu di Miri, Sarawak dan Johor Bahru.

"Dalam tempoh 'membuat laporan', mangsa dihubungi oleh tiga individu berlainan yang mendakwa dari Bank Negara untuk menjalankan siasatan," jelasnya. Katanya, mangsa dikehendaki mengikut arahan untuk memasukkan kata kunci langkah demi langkah di Public Bank dan Maybank masing-masing di Miri melalui panggilan telefon. Tegas Gani, apabila balik ke rumah, mangsa menghubungi rakannya dan diberitahu beliau telah ditipu. "Dalam pada itu, kita turut menerima dua lagi laporan mengenai Macau Scam namun kedua-dua mangsa berjaya mengelak diri daripada ditipu.

"Malah, dua lagi pengadu berjaya mengelak diri daripada menjadi mangsa kepada Parcel Scam," ujarnya.